



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
HERITAGE, ART AND MULTIMEDIA
(IJHAM)**
www.ijham.com



ANALISIS KEROSAKAN STRUKTUR KUBU PEPERANGAN DI JALAN TOK HAKIM, KOTA BHARU, KELANTAN

ANALYSIS OF DAMAGE TO THE STRUCTURE OF FORTRESS OF WAR IN JALAN TOK HAKIM, KOTA BHARU, KELANTAN

Nur Athmar Hashim^{1*}, Siti Aisyah Muhammad², Tengku Fauzan Tengku Anuar³, Mohd Mokhtar Saidin⁴, Suresh Narayanan⁵, Nur Farhana Shuhaimi⁶

- ¹ Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia dan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: athmar.h@umk.edu.my
- ² Fakulti Senibina dan Ekistik, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: aisyah@umk.edu.my
- ³ Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia dan Pusat Penyelidikan Kemiskinan dan Pengurusan (INSPEK), Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: tengkufauzan@umk.edu.my
- ⁴ Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: mmokh@usm.my
- ⁵ Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: sureshnarayanan@usm.my
- ⁶ Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: hannashuhaimi969@gmail.com
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 02.11.2021
Revised date: 23.11.2021
Accepted date: 07.12.2021
Published date: 13.12.2021

To cite this document:

Hashim, N. A., Muhammad, S. A., Tengku Anuar, T. F., Saidin, M. M., Narayanan, S., Shuhaimi, N. F. (2021). Analisis Kerosakan Struktur Kubu Peperangan Di Jalan Tok Hakim, Kota Bharu, Kelantan.

Abstrak:

Kubu peperangan British di Kelantan merupakan sebuah monumen yang mempunyai nilai sejarah yang tidak dapat disangkal lagi. Kubu ini dibina oleh British adalah bertujuan untuk mempertahankan kawasan daripada serangan penjajah semasa Perang Dunia ke II. Namun begitu, hasil kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa kebanyakan kubu peperangan ini dibiarkan begitu sahaja sehingga struktur mengalami kerosakan, malah ada kubu yang telah ditinggalkan air dan pasir kerana binaan ini kebanyakan berada di kawasan pesisiran pantai. Salah satu kubu peperangan yang telah mengalami kerosakan struktur adalah di Jalan Tok Hakim, Kota Bharu yang berkoordinat 6°07'46.9"N 102°14'04.2"E. Kaedah penyelidikan yang bersistematik digunakan dalam kajian ini seperti pemerhatian, pengukuran, catatan dan lukisan bagi mengenalpasti kerosakan yang telah berlaku terhadap struktur kubu peperangan ini.

International Journal of Heritage, Art and Multimedia, 4 (15), 61-70.

DOI: 10.35631/IJHAM.415005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kata Kunci:

Jalan Tok Hakim, Kubu Peperangan, Kerosakan, Kelantan, Monumen

Abstract:


The British pillboxes in Kelantan are a monument with undeniable historical value. The British built the defense was intended to defend the area from colonial attacks during World War II. However, the study results found that this pillbox was left alone until this structure had been damaged. Some forts were inundated with water and sand because these buildings were mostly in coastal areas. One of the pillboxes that have suffered structural damage is in Jalan Tok Hakim, Kota Bharu, with coordinates $6^{\circ} 07'46.9^{\circ} N 102^{\circ} 14'04.2^{\circ} E$. The methods used in this study, observation, measurement, notes, and drawings, identify the damage that has occurred to the structure of this pillbox.

Keywords:

Jalan Tok Hakim, Pillbox, Damage, Kelantan, Monument

Pengenalan

Negeri Kelantan mempunyai lebih kurang 17 buah kubu peperangan yang masih ada dan kebanyakannya terletak di kawasan persisiran pantai. Pembinaan kubu ini adalah bertujuan untuk mengawal dan mempertahankan serangan musuh semasa perang dunia yang ke II. Kubu peperangan ini merupakan salah satu monumen yang mempunyai nilai warisan dan sejarah terutama di Negeri Kelantan. Namun begitu, boleh dikatakan bahawa, hampir keseluruhan monumen ini tidak diendahkan sehingga struktur ini telah mengalami kerosakan yang teruk. Malah apa yang lebih menyedihkan lagi, kubu ini juga telah ditenggalami air serta tertimbus di dalam pasir. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, salah satu kubu yang berpotensi untuk dijadikan sebagai daya tarikan pelancong ialah kubu di Jalan Tok Hakim yang berkoordinat $6^{\circ}07'46.9^{\circ}N 102^{\circ}14'04.2^{\circ}E$ (Rajah 1). Hal ini kerana, struktur ini adalah terletak di benteng sungai Kelantan dan dijadikan sebagai kawasan rekreasi. Namun begitu, struktur ini dipinggirkan, malah pengunjung juga tidak mengetahui kewujudannya kerana telah terlindung dengan pokok-pokok besar dan dipenuhi dengan sampah sarap (Rajah 2).



Rajah 1: Lokasi Kubu di Jalan Tok Hakim


Sumber: Google Maps



Rajah 2: Sampah Sarap Dan Tumbuhan Besar Di Kawasan Kubu

Sumber: Kajian Lapangan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa material yang digunakan dalam membina kubu peperangan ini adalah dengan menggunakan papan, besi keluli, simen, pasir dan juga batu sungai. Struktur kubu peperangan di Jalan Tok Hakim ini adalah berbentuk nonagon yang mempunyai sembilan sisi dimana setiap ketinggian adalah berbeza disebabkan oleh perubahan bentuk muka bumi. Binaan ini juga mempunyai ketebalan sebanyak 30 cm bagi dinding konkrit yang dibina menggunakan simen, sama juga seperti bumbung yang turut dibina menggunakan simen dan ketebalannya 30 cm yang dikatakan mampu menahan serangan daripada mortar dan senjata ringan. Setiap dinding kubu dilengkapi dengan lubang bagi tujuan serangan balas dan intipan pergerakan pihak musuh (Lokman Ismail, 2018). Berdasarkan kepada pelan lantai kubu peperangan Jalan Tok Hakim (Rajah 3), setiap penjuru ini telah ditanda dengan kod A sehingga J. Setiap dinding mempunyai komponen seperti tingkap, lubang dan tembok. Berdasarkan kepada pelan lantai ini juga menunjukkan panjang adalah dinding H-I iaitu 2760 mm. Manakala jarak yang paling dekat 1070 ialah pada dinding I-J. Hal ini disebabkan oleh lokasi kubu peperangan ini adalah berdekatan dengan sungai Kelantan yang menyebabkan proses pemendapan itu berlaku dengan mudah.



Rajah 3 : Pelan Lantai Kubu Peperangan Di Jalan Tok Hakim

Sumber : Kajian Lapangan

Kajian Terdahulu

Berdasarkan kajian terdahulu, dianggarkan terdapat lebih 25 buah kubu di seluruh negeri Kelantan. Kubu-kubu milik tentera British ini dibina pada tahun 1939 hingga tahun 1940 sebagai langkah untuk mempertahankan negeri Kelantan daripada serangan musuh iaitu Jepun. Kubu-kubu kebal ini telah dibina sepanjang persisiran pantai negeri Kelantan bermula di Kota Bharu sehinggalah ke Bachok. Hal ini kerana tentera British yakin bahawa tentera Jepun akan menyerang Tanah Melayu melalui Kelantan disebabkan keadaan pantai di Kelantan yang luas dan strategik iaitu berdekatan Laut China Selatan. Dalam kalangan masyarakat setempat, kubu kebal ini lebih dikenali sebagai kubu Jepun walaupun pada hakikatnya kubu tersebut merupakan binaan milik tentera British (<http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/kubu-tinggalan-british-terbiar-1.26548>).

Kebanyakan kubu kebal yang terdapat di negeri Kelantan memiliki bentuk segi sembilan dan diperbuat daripada campuran pasir sungai, simen dan kerawat besi. Keluasan kubu-kubu kebal ini dikatakan lebih 18 kaki persegi serta ketebalan dinding yang melebihi 0.3 meter. Kubu-kubu ini juga pernah memuatkan beberapa orang tentera upahan British yang terdiri daripada askar Punjab atau Gurkha bagi mengawal persisir pantai negeri Kelantan. Selain itu, pembinaan kubu-kubu kebal secara agresif hanya dilakukan di negeri Kelantan berbanding negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang dan Pahang yang mempunyai beberapa kubu kebal sahaja (Asnah Hanim Mahmood; 2010). Selain itu, tentera British dikatakan bukan sahaja membina kubu di kawasan persisiran pantai malah mereka turut membina kubu di kawasan landasan kapal terbang seperti Lapangan Terbang Ismail Petra dan Lapangan Terbang Pengkalan Chepa. Tambahan lagi, setiap kubu yang dibina di negeri Kelantan dikatakan mengikut kedudukan geografi, jenis senjata yang digunakan serta bilangan tentera yang ditempatkan. Menurut masyarakat setempat, terdapat sebilangan tentera upahan British berketurunan India-Punjab yang mengawal kubu-kubu tersebut dirantai kakinya agar tidak melarikan diri sebaliknya memberikan tentangan sengit terhadap serangan tentera Jepun (<http://www.orangkelantan.com/kubu-british-disangka-milik-jepun.html>). Kubu-kubu kebal di persisiran pantai negeri Kelantan telah memainkan peranan penting dalam menyekat kemaraan tentera Jepun. Kubu-kubu yang dibina oleh tentera British telah bertindak dengan ganas dan sepenuh kekuatan semasa Perang Dunia II pada 7 Disember 1941. Hal ini telah menyebabkan tentera-tentera Jepun terbaring di pantai, separuh dalam air, separuh dalam pantai dan sehinggakan mereka tidak boleh mengangkat kepala mereka (http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=1225&pub=Kosmo&sec=Renca na_Utama&pg=ru_01.htm).

Selepas tentera Jepun berjaya mendarat di bahagian rusuk kanan pantai Sabak, tentera Jepun daripada Kompeni Ke-9 telah menyerang kedudukan pertahanan Batalion Ke-3 Dogras yang menduduki kubu pertahanan nombor 11 dan menyebabkan berlakunya pertempuran yang dasyat. Selain itu, pasukan tentera British iaitu Batalion Ke-2, Rejimen Ke-12 Frontier Force Rifles pula telah berjaya menawan semula sebahagian kawasan Pantai Sabak termasuk kubu kebal nombor 12 dan nombor 14. Namun, tentera Jepun telah menyerang balas dan menduduki semula kubu kebal nombor 14 dan 15. Walaupun kubu pertahanan tersebut telah memberi tentangan yang hebat namun ianya berjaya dikalahkan oleh tentera Jepun (Mohd Radzi Abd Hamid, 2009).

Menurut PPSK, Perang Dunia Kedua yang berlaku di Malaysia melibatkan dua kuasa iaitu kuasa berikat dan kuasa paksi. Serangan keatas Tanah Melayu atau kini dikenali dengan Malaysia berlaku selepas kuasa paksi Jepun menyerang dan menguasai Korea, China dan

negara Asia yang lain. Sehingga kini kekejaman Jepun telah menjadi peristiwa yang paling diingati oleh masyarakat di Kelantan. Setiap misi yang dijalankan Jepun berjaya dilancarkan kerana adanya ejen perisikan daripada pihak mereka. Di Kelantan, ejen perisikan yang dilantik ialah Tiyoki Toda yang menetap di Pulau Condong, Machang. Penyamaran beliau ialah sebagai pegawai syarikat Oriental Mining & Co. yang merupakan sebuah syarikat perlombongan besi yang bertapak di Temangan, Machang. Pada 8 Disember telah berlaku serangan terhadap Kota Bharu dan Pantai Pak Amat secara mengejut. Pemindahan Bridged India ke-8 di Kota Bharu ke Selatan oleh Lt. Jeneral Pervicel pada Jun 1941 bagi menggantikan kumpulan 4/19 Hyderabad tetapi tidak berjaya seperti yang dirancang malah pertahanan di Kelantan semakin lemah.

Kebanyakan struktur kubu di Negeri Kelantan telah mengalami kerosakan seperti di Kampung Ger, Bachok yang telah rosak disebabkan oleh beberapa faktor seperti haiwan perosak, pengaratan, lumut, hakisan dan sebagainya. Pertumbuhan lumut disebabkan oleh faktor cahaya, suhu dan kelembapan udara. Pengaratan besi pada dinding juga disebabkan adanya kehadiran air dan udara kerana lokasinya adalah terletak di persisiran pantai, Hal ini telah menyebabkan berlakunya hakisan yang memusnahkan dinding konkrit sehingga tertimbulnya tetulang keluli. Tetulang keluli yang terdedah kepada udara dan air masin akan mempercepatkan lagi proses pengaratan berlaku dan menyebabkan struktur kubu peperangan menjadi tidak kukuh (Nur Athmar Hashim, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Siti Aishah Muhammad, Suresh Narayanan, Mokhtar Saidin, Nawwal Abdul Kadir, Nur Farhana Shuhaimi, dan Adam Mad Zain (2020)).

Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan yang bersistematik adalah adanya kaedah penyelidikan yang terperinci. Hal ini kerana kaedah penyelidikan sangat penting bagi memastikan data-data yang diperolehi adalah terkini dan relevan dalam sesebuah kajian. Kaedah pemerhatian juga memainkan peranan penting dalam menyempurnakan kajian ini. Secara umumnya, pemerhatian merupakan salah satu kaedah memerhati, merekod dan mencatat setiap tindakbalas atau pemboleh ubah yang berlaku dalam bidang yang dikaji. Pemerhatian merupakan proses untuk mendapatkan data penyelidikan secara terus dan. Pemerhatian terhadap sampel-sampel kajian adalah lebih terperinci, jelas dan tepat akan menyumbang kepada dapatan kajian yang lebih sah serta boleh dipercayai. Melalui kaedah pemerhatian ini juga dapat membantu bagi menganalisis jenis-jenis kerosakan pada kubu ini (Rajah 4).



Rajah 4: Hasil Pemerhatian Di Kubu Jalan Tok Hakim

Sumber: Kajian Lapangan

Kaedah yang digunakan seterusnya adalah pengukuran yang dilakukan di lapangan. Pengukuran ini dilakukan terhadap semua dinding kubu. Ia adalah bertujuan untuk mendapatkan lukisan pelan yang saintifik. Peralatan yang digunakan dalam pengukuran ini ialah measuring tape atau pita pengukur, pembaris besi, pen, kertas A4. Setiap dinding kubu akan dilabel terlebih dahulu supaya ia memudahkan untuk melukis secara saintifik di makmal (Rajah 5). Kaedah catatan perlu dilakukan sepanjang kajian ini berlangsung untuk mengumpul maklumat berdasarkan pemerhatian yang dilakukan selain maklumat yang disampaikan oleh informan secara spontan dan langsung. Melalui catatan berdasarkan pemerhatian dan temubual secara langsung ini dapat mengelak berlakunya kecaciran maklumat yang penting.



Rajah 5: Lukisan Di Makmal

Sumber: Kajian Lapangan

Hasil Kajian

Setiap struktur bahagian kubu peperangan ditandakan dengan kod yang tersendiri iaitu A, B, C, D, E, F, G, H, I, J,. Analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa terdapat lima jenis kerosakan yang terdapat pada kubu ini iaitu lumut, serangga, perubahan struktur, pertumbuhan pokok, dan pengianapan penagih dadah. Majoriti struktur kubu peperangan ini telah ditumbuhi lumut dimana dinding kubu tersebut kelihatan berwarna hijau dan hitam (Rajah 6). Lumut yang tumbuh pada permukaan struktur kubu adalah salah satu punca berlakunya kerosakan terhadap kubu ini. Lumut merupakan satu mikroorganisma yang tumbuh apabila ada kelembapan dan cuaca yang sesuai bagi proses pembiakannya. Kedudukan strategik iaitu di kawasan lembab menyebabkan berlakunya pergalakkan pertumbuhan lumut. Hal ini kerana kubu di Jalan Tok

Hakim ini berada berdekatan dengan sungai Kelantan dan berada berdekatan dengan salur air bangunan Pelangi Mall.



Rajah 6: Pertumbuhan Lumut

Sumber: Kajian Lapangan

Hidupan dalam tanah telah melonggarkan struktur tanah dengan mengorek lubang dan memindahkan tanah ke permukaan. Lubang-lubang yang dihasilkan haiwan ini membolehkan air hujan dan gas-gas tertentu akan jatuh kedalam tanah sekaligus menyebabkan luluhawa berlaku. Pada kubu ini juga telah menunjukkan berlakunya pembiakan ulat Harpape Haydeniana atau juga dikenali dengan nama ulat gonggok. Pemiakan ulat Harpape Haydeniana adalah berpunca daripada kelembapan yang tinggi pada dinding kubu. Pemasangan jeriji ini akan menghasilkan gegaran daripada mesin dan alatan lain untuk memasang jeriji tersebut (Rajah 7). Gegaran yang terhasil akan menyebabkan retakan pada struktur kubu tersebut. Selain itu, terdapat juga vandalisme pada bahagian atas kubu kebal dimana bahagian tersebut telah dijadikan kawasan riadah dan bersiar-siar bagi masyarakat yang berkunjung ke lokasi tersebut. Pengubahsuaian tersebut telah menyebabkan kubu kebal tersebut mengalami kerosakan yang maksimum serta lokasi juga sukar dikenal pasti jika tidak diwar-warkan dan diperhatikan dengan terperinci. bahagian dalam kubu kebal tersebut telah dijadikan saluran air longkang. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan berlakunya pencemaran di samping pembuangan sampah yang teruk pada kubu ini. Gas-gas yang terhasil ini akan menyebabkan lama-kelamaan struktur kubu akan lemah dan akhirnya pecah.



Rajah 7: Pemasangan Jeriji

Sumber: Kajian Lapangan

Pembesaran akar-akar tumbuhan khususnya akar tunjang boleh mengakibatkan berlakunya retakan dan memecahkan struktur batuan bagi kubu ini. Akar-akar tumbuhan ini apabila telah memasuki sesuatu tempat rekahan pada monumen dan kemudiannya membesar secara perlahan-lahan akan berupaya untuk memecahkan struktur (Rajah 8).



Rajah 8: Pertumbuhan Pokok-Pokok Besar

Sumber: Kajian Lapangan

Kawasan monumen ini juga terdedah kepada longgokkan sampah sarap oleh pengunjung yang tidak mempunyai kesedaran terhadap warisan sejarah (Rajah 9). Keadaan kawasan yang berbau busuk ini juga menyebabkan ramai pengunjung tidak melalui kawasan ini selain daripada kubu tersebut berada dibawah jambatan kaki lima yang dibina untuk tujuan riadah dan santai kepada penduduk sekitar memandangkan kawasan tersebut adalah kawasan penginapan dan berdekatan dengan pusat bandar Kota Bharu. Oleh sebab keadaan yang terbiar dan tidak terjaga ini menyebabkan lokasi ini merupakan tempat yang strategik oleh penagih dadah. Kawasan dalam kubu dijadikan tempat penagih ini menjalankan operasi mereka supaya tidak dapat dihidu oleh pihak berkuasa (Rajah 10).



Rajah 9: Longgokkan Sampah Sarap

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 10: Penginapan Penagih Dadah

Sumber: Nur Farhana Shuhaimi, 2020

Kesimpulan

Kubu adalah satu tinggalan sejarah yang unik dan memberikan kepentingan untuk negara jika diteliti. Bagi menggerakkan proses pemeliharaan dan pemuliharaan kubu kebal tersebut, pihak berkenaan perlu menjadikan kubu sebagai salah satu medium tarikan pelancong. Hal ini sekaligus dapat menjamin ekonomi negara. Dalam hal ini, kubu-kubu yang terdapat di Malaysia sama ada dalam mahupun luar Kelantan perlu dipelihara dan dikekalkan sebagai simbol sejarah. Kubu kebal yang terdapat di Malaysia terutamanya di Kelantan dapat dilihat hanya sebahagian sahaja yang masih ada dan selebihnya telah hilang jejak. Oleh itu, monumen seperti kubu kebal ini perlu diwartakan agar ianya dapat dijaga dan diketahui orang ramai mengenai nilai wariasannya. Walaupun di Kelantan, sebahagian masyarakat dikatakan menyimpan dendam terhadap peristiwa bersejarah tersebut, akan tetapi kubu tersebut adalah salah satu punca negara Malaysia mampu berdiri sehingga kini. Kepentingan nilai sejarah minoritinya tidak diendahkan dan hanya dipandang enteng oleh generasi muda masa kini. Oleh itu, pihak berkenaan seperti perbadanan muzium, institusi sekolah dan pengajian perlu meggerakkan usaha dan memperkasakan lagi cadangan bagi memupuk semangat patriotisma dan cinta akan sejarah negara dalam diri mereka bermula sekarang supaya sejarah lama tidak berulang. Selain itu, berikan pendedahan agar monumen yang mempunyai nilai sejarah perlu dijaga dan dipelihara untuk pengajaran masa hadapan.

Penghargaan

Artikel ini adalah ditulis sebagai penghargaan ke atas Allayarham Dr. Jeffrey Abdullah dari Pusat Penyelidikan Arkeologi, Universiti Sains Malaysia dan memenuhi syarat Doktor Falsafah (Phd). Penghargaan juga terhadap geran UMK-FUND 2020 yang bertajuk Analisis Struktur Kubu Peperangan Negeri Kelantan Melalui Data Xrd, Xrf Dan Sem Untuk Tujuan Konservasi.

Rujukan

- Abdul Latip Talib (2008). Leftenan Adnan: Wira Bangsa : PTS Publication (978-967-408-077-8/0). E- book dicapai daripada <https://www.esentral.com/book/info/373/Leftenan-Adnan-Wira-Bangsa>
- Asma Hanim Mahmood (2010). Sejarah Kubu Tentera British. Dicapai daripada <http://rekreasiantai.blogspot.com/2010/10/sejarah-kubu-tentera-british-oleh-asma.html>

- DJ Dolasoh (2015). *Kubu Lama Tarikan Pelancong*. Harian Metro. Dicapai daripada <http://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/node/83588/amp>
- Gregg Setheron CSSW (2020). How To Treat Damp Rising?. Dicapai daripada <https://www.permagard.co.uk/advice/how-to-treat-rising-damp>
- HL Wrigglesworth (2006). The Japanese Invasion of Kelantan in 1941:Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
<http://www.orangkelantan.com/kubu-british-disangka-milik-jepun.html>
http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=1225&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm
- Kelab Pencinta Sejarah Kelantan (2015). *Pantai Sabak Terakam Dalam World War 2*. Dicapai pada Februari 21, 2019 daripada <https://sejarahkelantan.wordpress.com/tag/British/>
- Lokman Ismail (2018). *Kubu Kebal Sejarah Perang Dunia Kedua*. Dicapai daripada <http://bicaramentari.blogspot.com//2018/10/bgq.html?m=1>
- Mohd Radzi Abd Hamid (2009). Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu Dan Borneo. Ampang, Selangor Darul Ehsan: Dawana Sdn. Bhd.
- Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (1988). peperangan dunia kedua di Kelantan : Disember 1941: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Nik Mohamed B Nik Mohd. Salleh (1995). *Warisan Kelantan*. Kota Bharu, Kelantan : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Nur Athmar Hashim, Siti Aishah Muhammad, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Mokhtar Saidin,Suresh Narayanan, dan Nur Farhana Shuhaimi (2021), Analisis Kerosakan Kubu Peperangan Tinggalan British Pada Zaman Peperangan Dunia Ke II Di Kampung Ger, Bachok, Kelantan, International Journal Of Heritage, Art And Multimedia (IJHAM) Volume 4 Issue 14 (September 2021) PP. 01-12 DOI 10.35631/IJHAM.414001
- Nur Athmar Hashim, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Siti Aishah Muhammad, Suresh Narayanan, Mokhtar Saidin, Nawwal Abdul Kadir, Nur Farhana Shuhaimi, dan Adam Mad Zain (2020), Analysis of the Causes of Destruction of Two British Pillboxes in Bachok, Kelantan.IOP Conf. Ser.: Earth Environ. Sci. 549 012082
- Nur Farhana Shuhaimi (2020). Konservasi Monumen: Pendokumentasian kubu peperangan British di Jalan Tok Hakim, Kota Bharu, Kelantan. Tesis peringkat Ijazah Sarjana Muda Kepujian Pengajian Warisan. Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia.(Tidak diterbitkan)
- Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan (2015). Kelantan Dalam Perang Dunia Kedua-1941. Dicapai daripada <http://pp-sk.blogspot.com/2015/01/kelantan-dalam-perang-dunia-kedua-1941.html>
- Salleh Mohd Akib (2013). *Kesan-kesan Tinggalan Perancangan Dunia Kedua 1941-1945 Di Kelantan* : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Salleh Mohd Akib (2013). Kubu Kebal British:Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Suzalina Halid (2016). Kubu bersejarah perang British-Jepun terbiar Berita Harian. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/10/199627/kubu-bersejarah-perang-british-jepun-terbiar>